

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001**

FEBRUARI/MAC 2001

RMK 356 – PENGURUSAN BINAAN DAN KEWANGAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

BAHAGIAN A: (Jawab **DUA** soalan sahaja)

1. a) Dengan merujuk kepada kajian yang sahif sahaja, sebutkan secara ringkas kualiti yang **patut ada pada** seorang **pengurus** projek.
b) Siapakah ahli-ahli yang berkemungkinan wujud dalam pasukan nyata dan pasukan tak nyata?
c) Siapakah yang dimaksudkan dengan pemegang kepentingan dalam sesebuah projek?

(25 MARKAH)

2. a) “Cabaran yang dihadapi oleh **pengurus** projek berubah mengikut fasa dalam kitaran binaan projek.” Bincangkan kenyataan ini dalam konteks:
 - i) konflik yang timbul
 - ii) faktor kejayaan kritikal yang perlu ada

Anda perlu merujuk kepada hasil kajian yang relevan.

- b) Sebutkan jenis kuasa yang paling berkesan bagi seorang **pengurus** projek dalam beliau melaksanakan kerjanya. Gunakan penulisan yang berdasarkan kajian untuk menjelaskan perkara ini.

(25 MARKAH)

3. a) Sebutkan perbezaan utama di antara sistem pemerolehan reka-dan-bina dan tradisional. Jelaskan dengan ringkas tiga pendekatan sistem pemerolehan reka-bina.
- b) Apakah pengajaran yang dapat kita kumpul daripada pengalaman di UK mengenai kaedah reka-dan-bina?
- c) Apakah yang **patut** diambilkira oleh konsultan di Malaysia apabila mencadangkan kaedah reka-dan-bina kepada Mien?

(25MARKAH)

BAHAGIAN B: (Jawab DUA soalan sahaja)

4. Kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan kegagalan sebahagian besar firma **kecil** dan sederhana berpunca dari masalah Modal Kerja. **Pada** pandangan **anda**, apakah faktor yang menyebabkan Modal Kerja begitu penting kepada survival firma?

(25MARKAH)

5. Syarikat dimana **anda** bekerja sedang dalam proses untuk memilih alternatif pelaburan yang terbaik diantara beberapa bentuk pelaburan yang dirasakan sesuai untuk diceburi dalam tempoh 5 tahun akan datang (2002 – 2007). **Anda** sebagai **salah** seorang kakitangan kanan telah diminta untuk **memberi** cadangan untuk membantu bos **anda** membuat keputusan pelaburan yang betul. Apakah yang akan anda cadangkan kepada dia?

(25MARKAH)

6. Beriuraian ringkas **tentang TIGA** dari istilah yang berikut. Gunakan gambarajah dan **berikan** contoh-contoh yang sesuai untuk menjelaskan penerangan **anda** :

- a) Sewapajak Kewangan
- b) Faktoran
- c) Pembiayaan Inventori
- d) Belanjawan Modal
- e) **Aset** Semasa Tetap
- f) **Aset** Tak Ketara

(25MARKAH)